

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 20

Ringgit dijangka terus kukuh hingga tahun depan

Ringgit dijangka terus kukuh hingga tahun depan

MIDF Research unjur mata wang mampu cecah RM4.23 satu dolar akhir 2023

Oleh Mahanumi Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Ringgit dijangka terus mengukuh berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dengan diunjurkan mengakhiri tahun ini pada RM4.35 dan terus meningkat kepada RM4.23 sedolar pada akhir tahun hadapan, demikian kata MIDF Research.

Ahli Ekonominya, Abdul Muiz Morhalim, berkata pertumbuhan ekonomi negara yang dijangka positif dan lebih akan semasa akan menyokong prestasi mata wang tempatan menuju ke depan.

Beliau berkata, faktor luaran seperti jangkaan Rizab Persekutuan AS (Fed) memperlambatkan



Imran (dari kiri), Md Yusof, Abdul Muiz dan Syed Muhammed Kifni pada taklimat media mengenai tinjauan pasaran 2023, di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Hazreen Mohamad/BH)

kenaikan kadarnya juga akan menyokong ringgit.

"Kami menjangkakan ringgit lebih kukuh pada nilai purata RM4.30 sedolar dan mengakhiri 2023 pada RM4.23 sedolar," katanya pada taklimat media mengenai tinjauan pasaran 2023, di

Kuala Lumpur, semalam.

Mengenai Kadar Dasar Semalaman (OPR), Abdul Muiz berkata, kadar penanda aras bagi pinjaman dan simpanan di negara ini itu dijangka meningkat kepada 3 peratus tahun depan.

Beliau berkata, pemulihan

pertumbuhan ekonomi negara akan mendorong bank pusat untuk terus menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas pada suku pertama 2023.

Bagi inflasi pula, MIDF Research menjangkakan kadarnya sekitar 2.3 peratus tahun depan.

Sasar bursa 1,700 mata

Mengenai prestasi pasaran ekuiti, Ketua Strategi MIDF Research, Syed Muhammed Kifni Syed Kamaruddin, berkata pihaknya menasarkankan Indeks FBM KLCI berada pada 1,700 mata pada akhir 2023 dengan nisbah pendapatan harga (PE) 15.0 kali.

Beliau berkata, pemacu utama kepada penilaian adalah peralihan tindakan Fed AS kepada kadar kenaikan lebih perlahan apabila tekanan inflasi semakin berkurangan tahun depan.

Namun, beliau mengingatkan terdapat faktor yang menghadkan kenaikan FBM KLCI, iaitu potensi kemelesetan dalam ekonomi terbesar dunia itu dan peningkatan konflik geopolitik.

Jelasnya, terdapat potensi ekonomi AS untuk mengalami kemelesetan dalam tempoh 12 hingga 24 bulan akan datang berdasarkan sebaran negatif Perbendaharaan AS.

"Bagaimanapun, tempoh antara berakhirnya kitaran kenaikan dan kemelesetan yang semakin meningkat akan menjadi menarik bagi pasaran ekuiti," katanya.